

11/02/2003

Formula bentuk Kabinet baru di tangan Pak Lah

Kadir Dikoh

PADA hari kedua Tahun Baru Cina, 2 Februari lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terbang menggunakan helikopter ke Pulau Pangkor tanpa pengetahuan umum. Di hotel Pangkor Laut, Perdana Menteri secara senyap meluangkan banyak masa menulis ucapan dan untuk bukunya 'Memoir Perdana Menteri'.

Buku itu dijangka memaparkan bukan saja pengalamannya sebagai Perdana Menteri sejak 22 tahun lalu, malah cerita sebenar di sebalik pelbagai peristiwa, termasuk isu Malaysia-Singapura.

Malah, ketenangan sebegini juga lazimnya digunakan Dr Mahathir bagi mencari ilham atau formula penyelesaian sesuatu masalah. Apakah selepas ini akan ada kejutan pengumuman tertentu?

Yang pasti, pilihan raya umum ke-11 tidak akan diadakan sebelum beliau bersara Oktober ini dan kenyataan Dr Mahathir dalam temu ramah dengan Reuters, Rabu lalu, mematikan spekulasi mengenai pilihan raya itu yang sudah tersebar luas, terutama sejak pengumuman rombakan Badan Perhubungan Umno Kelantan bulan lalu.

Rombakan Kabinet juga tidak akan dilakukan sebelum Oktober, kata Perdana Menteri sehari kemudian.

Dr Mahathir pernah bercuti sambil bekerja di kepulauan Mediterranean ketika melawat Vatican City pertengahan Jun tahun lalu dan ketika itulah beliau menulis ucapannya untuk disampaikan pada Perhimpunan Agung Umno seminggu kemudian, dengan pengumuman mengejut peletakan jawatan.

Selepas mengumumkan peletakan jawatan itu, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sekali lagi melapangkan masa belayar di kepulauan Mediterranean, Isle of Capri terutama di sekitar Napoli.

Persekitaran pulau yang damai bukan saja menenangkan jiwa, malah boleh mencetuskan pelbagai idea.

Kebetulan pada hari sama Dr Mahathir bermalam di Pulau Pangkor, 2 Februari lalu, hampir semua akhbar tempatan menyiarkan kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, bahawa seluruh Kabinet mesti meletakkan jawatan apabila Dr Mahathir berundur Oktober ini.

Ini, kata Dr Lim, bagi membolehkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melantik semula atau membuat pelantikan baru barisan Kabinetnya.

"Tak apalah, dia tak akan ikat semua orang. Kalau saya terjun dalam laut, semua orang nak kena terjun, tak payahlah. Biar saya terjun ke dalam laut seorang diri," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kenyataan Dr Lim itu pada sidang akhbar Khamis lalu.

Abdullah sendiri turut menasihatkan semua pemimpin BN berhenti berbincang mengenai barisan Kabinet baru apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas persaraan Dr Mahathir, Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir kini masih menjadi Perdana Menteri dan semua pihak sepatutnya memberi tumpuan terhadap tugas masing-masing bagi memastikan pembangunan negara berjalan berterusan.

"Saya hargai minat yang ditunjukkan pelbagai pihak yang memberi saya peluang untuk menentukan barisan kepemimpinan baru kerajaan. Tapi tak usahlah bercakap banyak sangat hal ini, habiskan kerja dulu," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA Bahagian Kepala Batas di Penang Golf Resort di Kepala Batas, Ahad lalu.

Sejak itu, laporan mengenai tawaran untuk meletak jawatan atau sanggup untuk tidak dicalonkan semula, terhenti dengan sendirinya meskipun ia cuma terbatas kepada perbualan di kedai kopi.

Seorang pemerhati politik berkata: "Pak Lah (Abdullah) sebenarnya banyak belajar daripada peristiwa lalu, terutama membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga lebih berhati-hati dalam membuat sebarang kenyataan.

"Memandangkan Dr Mahathir masih nombor satu, sebarang kenyataan oleh orang nombor dua hendaklah kelihatan tidak menyamai atau melebihi orang nombor satu. Ini kesilapan Anwar dulu dan Pak Lah banyak belajar daripada sejarah."

Seorang pemimpin kanan sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) yang enggan namanya disiarkan berkata, tidak pernah dalam sejarah politik negara semua menteri Kabinet meletak jawatan apabila Perdana Menteri baru mengambil alih.

Beliau berkata, perkara itu tidak berlaku pada zaman Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan apabila Dr Mahathir sendiri memegang tampuk pemerintahan pada 1981.

"Ini Malaysia bukan Amerika Syarikat yang mengguna pakai sistem dua parti, iaitu kalau Presiden baru mengambil alih, semua kena letak jawatan dan pasukannya dipilih menerajui kerajaan.

"Di negara ini, sistem seperti ini tidak boleh diguna pakai. Cara terbaik ialah pemimpin yang berasaskan dirinya sudah tidak mampu memberi khidmat, perlu berundur," katanya ketika dihubungi.

Tidak diketahui apa niat sebenar Dr Lim membuat cadangan itu dan mungkin beliau mendapat clue daripada kenyataan Dr Mahathir sebelum ini bahawa adalah lebih baik jika semua orang meletak jawatan bagi membolehkan Abdullah mengatur segala-galanya.

Namun, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, pula berkata terpulang kepada Perdana Menteri yang baru untuk menentukan barisan Kabinetnya walau apa cara sekalipun.

Beliau berkata, langkah ini bagi menentukan keberkesanan pentadbiran kerajaan dan untuk tujuan itu, terserah kepada Perdana Menteri yang baru bagaimana melakukannya.

"Dalam amalan demokrasi, tidak ada satu undang-undang yang mesti diikuti, malah tiada tradisi yang boleh atau tidak boleh diikuti. Isu ini banyak dibahaskan secara terbuka sekarang dan syor dikemukakan. Ini satu proses yang baik, tetapi akhirnya terpulang kepada sesiapa yang mengetuai kerajaan sama ada untuk menerima sesuatu idea itu atau tidak," katanya ketika dihubungi.

Tetapi Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata Abdullah akan menghadapi cabaran yang berbentuk lain apabila menerajui kerajaan nanti kerana rakyat yang bakal dipimpinnya terdiri daripada kebanyakannya golongan muda atau generasi teknologi maklumat (IT).

Dulu, katanya, apabila Allahyarham Tun Hussein Onn membuat perubahan dalam Umno dengan membawa masuk golongan muda intelek, termasuk dalam barisan Kabinet dan Menteri Besar, Perdana Menteri ketiga itu menerima banyak bantahan serta dituduh cuba membelakangkan orang lama dalam parti. Keadaan yang sama turut dialami Dr Mahathir.

"Tun Hussein terpaksa melakukannya bagi menggambarkan kemunculan generasi baru ketika itu. Kemudian apabila Dr Mahathir memimpin negara, beliau membawa masuk golongan korporat. Ini perlu bagi memacu ekonomi negara dan masyarakat korporat," katanya.

Kini, katanya, generasi IT muncul yang boleh memperoleh maklumat pada bila-bila masa dan pelbagai menerusi internet, kebanyakannya golongan belia berusia 40 tahun ke bawah, iaitu merangkumi sekitar 60 peratus penduduk negara. Golongan ini juga bakal penentu keputusan pilihan raya umum akan datang.

Tokoh veteran yang sudah berkhidmat di bawah empat Perdana Menteri itu berkata, Abdullah yang akan mengambil alih kepemimpinan negara daripada Dr Mahathir selepas Oktober ini, akan berhadapan generasi IT itu dan

keadaan akan menjadi lebih mencabar dalam dunia globalisasi tanpa sempadan.

"Ini bermakna Abdullah perlu mengambil pendekatan baru dan drastik dalam memimpin generasi IT. Ini termasuk pemilihan calon dan barisan Kabinetnya yang memerlukan mereka yang bukan buta IT. Zaman petah bercakap saja tanpa ilmu pengetahuan IT, sudah berlalu. Zaman ahli politik berucap atau bercakap seperti orang jual ubat, sudah sukar diterima kerana barisan penontonnya sudah berbeza," katanya dalam satu pertemuan baru-baru ini.

Oleh itu, katanya, sudah tiba masa bagi pemimpin lama dalam parti bukan saja Umno, malah parti komponen BN yang lain, mengundur diri untuk memberi laluan kepada muka baru.

"Jika pengundi muda kata bahawa jika kamu (parti pemerintah) tidak berubah, kami akan mengubahnya, kita perlu dengar. Ini berlaku di Mexico dan Kenya apabila parti pemerintah yang sudah berpuluh tahun memerintah, tewas dalam pilihan raya kerana gagal membawa perubahan seperti dikehendaki rakyat. Kita mesti berubah untuk kebaikan," katanya.

Ramai juga tidak setuju pemimpin lama harus ditukar secara drastik, sebaliknya lebih cenderung untuk melihat gabungan muka lama dan baru bagi menjamin keberkesanan pentadbiran.

Berdasarkan hakikat ini juga, pilihan raya umum ke-11 akan datang dijangka menampilkan ramai muka baru sama ada sebagai calon BN atau parti pembangkang, kerana masing-masing berusaha mendapatkan sokongan rakyat.

Pemerhati berpendapat, tidak perlu menukar semua muka lama kerana yang penting ialah mesti ada perubahan dan dirasai atau dilihat ada perubahan bagi memberi keyakinan baru kepada kerajaan.

"Kalau asyik muka sama dalam Kabinet, ia mungkin kurang meyakinkan. Tetapi memasukkan beberapa muka baru dan anak muda, sudah pasti memberi impak positif walaupun terpaksa mengekalkan sebilangan kecil muka lama," katanya.